

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

OGOS/SEPTEMBER 1998

RMK 251 - Pentadbiran Undang-Undang

Masa: 3 Jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja: DUA soalan daripada BAHAGIAN A dan DUA soalan daripada BAHAGIAN B.

Bahagian A dan Bahagian B hendaklah diikat secara BERASINGAN.

BAHAGIAN A: (Jawab DUA soalan sahaja)

1. (a) Nyatakan pelbagai sumber undang-undang di Malaysia. (8 markah)
- (b) Huraikan hierarki mahkamah-mahkamah di Malaysia. (8 markah)
- (c) Apakah doktrin presedan?
Adakah keputusan-keputusan daripada Majlis Privy mengikat mahkamah-mahkamah tempatan? (9 markah)
(25 MARKAH)
2. (a) Huraikan perbezaan di antara syarikat dan perkongsian. (8 markah)
- (b) Apakah maksud "tabir pemerbadanan" (veil of incorporation) mengikut undang-undang syarikat? (6 markah)
- (c) En. Ali ialah seorang arkitek dan pemegang syer di sebuah syarikat pembinaan. Artikel-artikel persatuan syarikat itu memperuntukkan bahawa En. Ali dilantik sebagai arkitek syarikat itu. Selepas tiga tahun, syarikat itu memutuskan bahawa En. Tan dilantik menjadi arkitek menggantikan En. Ali.
Nasihatkan En. Ali sama ada beliau boleh mendakwa syarikat itu atas kemungkiran kontrak ini di bawah artikel-artikel persatuan. (11 markah)
(25 MARKAH)

- 2 -

3. (a) Bezakan di antara:-
- (i) tort dan kontrak (4 markah)
 - (ii) tort dan jenayah (4 markah)
 - (iii) kacau-ganggu awam dan kacau-ganggu persendirian (4 markah)
- (b) Huraikan maksud “kewajipan berjaga-jaga” (duty of care) di dalam tort kecuiaan. Jawapan anda mesti disokong dengan kes-kes yang relevan. (13 markah)
- (25 MARKAH)

BAHAGIAN B: (Jawab DUA soalan sahaja)

4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan ‘tawaran’ (offer)? Bolehkah tawaran dibuat kepada umum (public at large)? (10 markah)
- (b) Bezakan di antara ‘tawaran’ (offer) dengan ‘pelawaan tawaran’ (invitation to treat). (15 markah)
- (25 MARKAH)
5. Bila berlakunya pecah kontrak, pihak yang teraniaya berhak untuk menuntut remedi daripada pihak yang satu lagi.
- Bincangkan remedi-remedi yang ada untuk pecah kontrak. (25 markah)
6. (a) Apa yang anda faham tentang ‘kuasa zahir’ (apparent authority) dan ‘kuasa sebenar’ (actual authority) dalam bidang undang-undang agensi? Nyatakan dan bezakan di antara kedua-dua kuasa tersebut. (10 markah)
- (b) Nyatakan keadaan-keadaan di mana ‘doktrin persekatan’ (Doctrine of Estoppel) terpakai di dalam prinsip agensi. (15 markah)
- (25 MARKAH)

-ooo000ooo-